



PECAH

Khairulnizam Bakeri

[Download now](#)

[Read Online](#) 

PECAH

Khairulnizam Bakeri

PECAH Khairulnizam Bakeri

Pecah

'Bank CIMB Shah Alam' simpan harta. *Herman, Alan, Radi*, dan *Don* sempat lari dengan wang. Namun *Alan* ditembak pengurus bank. Parah. Mereka sepakat ke hospital.

'Rumah Seri Memori' simpan warga emas. *Bakar* -- sang penghuni dimamah dosa -- tiba-tiba tumbang. Hilang sedar. *Lidya* -- sang jururawat -- dan *Dr Vivian* gegas bantu. Mereka sepakat ke hospital.

'Hospital Tengku Ampuan Rahimah' simpan nyawa. *Alan* di wad kecemasan. *Bakar* di wad lelaki. *Herman-Don-Radi* mahu cabut namun terbantut. Kereta kandas, sedang *Inspektor Paul* tiba pantas. Pintu pagar hospital dikawal, mereka perlu cari akal.

Herman-Lidya cinta hati. Dalam denyut debar *Herman*; di celah kerunyut gebar *Bakar*; satu-persatu kisah terpokah. Satu-persatu PECAH.

Novelis : Khairulnizam Bakeri

Khairulnizam Bakeri dilahirkan di Kelantan. Kini kerap ulang-alik Machang – Shah Alam. Untuk apa? Cari hidup dalam dunia, cari dunia dalam hidup. Aktif dalam bidang pengucapan awam, khususnya debat. Pemilik blog Salah Taip (salahtaip.blogspot.com) dan pengicau acap di alam 140 aksara, Twitter (@nizambakeri). Percaya bahawa bahasa bukan untuk dilacur, bahkan untuk dilabur dan dilakur, agar jadi milik semua. Ya, termasuk kamu.

Fotografi : Danny Lim

Model : Dewa

Perunding : Azwan Ismail & Richard Wong

Cetakan Pertama : Mei 2011

Cetakan Kedua : Februari 2012

PECAH Details

Date : Published May 2011 by Buku Fixi (002016254-V) (first published April 14th 2011)

ISBN : 9789671038413

Author : Khairulnizam Bakeri

Format : Paperback 335 pages

Genre : Thriller, Novels

 [Download PECAH ...pdf](#)

 [Read Online PECAH ...pdf](#)

Download and Read Free Online PECAH Khairulnizam Bakeri

From Reader Review PECAH for online ebook

Jerry Ghazali says

Buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat atau diistilahkan sebagai karma aku fikir boleh dieksploitasikan untuk menjustifikasikan perlakuan jenayah berlandas rancangan manusia, perkenan dari tuhan pula bukan soal aku.

Peralihan dari satu babak ke babak lain agak pantas membikin pembaca macam aku tak jemu dan letih sepanjang pembacaan selain penggunaan banyak perkataan-perkataan yang 'rare' bagi aku, mungkin itu gaya tersendiri Khairulnizam Bakeri.

Kurang kejutan bagi aku pada penamat cerita kerana aku sudah jangkakannya beberapa baris ayat sebelum khatam. Kalau tak, terkejut buruk aku.

Luc Abdullah says

Inzal.

Ini komen 6 bulan lepas.

Selepas keluaran novel ke-12 Fixi, saya kembali membelek novel ini semula. Dari teknik penceritaan sehinggalah langgam bahasanya, ia sekacak sampulnya.

Juga, ia buat saya ter-cakap, "Huh, siapa RAM?"

Juliza says

SUPERB! Barulah sekarang hamba mengerti kenapa buku ini perlu diterjemah dalam bentuk filem pula. Buku ini dan isinya - *superb!*

Pertama sekali, hamba tidak merasa perlu untuk membandingkan Pecah dengan buku-buku Fixi lain yang telah hamba baca sebelumnya tetapi setakat ini Pecah adalah buku terbaik keluaran Fixi dari semua segi.

Plot dan jalan cerita yang sangat menarik, teliti dan kemas (paling tidak pada pembacaan hamba). Pasti merangka sebuah kisah seperti ini bukanlah senang dan tentunya tidak sedikit masa yang harus terkorban. Dan, hamba percaya memabakkan cerita yang telah dirangka itu tentunya lebih mencabar lagi.

Tahniah, wahai penulis, anda berjaya membuat pembaca lekat pada buku anda dengan perasaan ingin tahu sehinggalah tiba di noktah terakhir.

Selain itu, penulisan dan gaya bahasa yang baik juga menjadikan buku ini menjadi santapan mata yang enak. Jalan ceritanya yang *superb* itu nyatanya telah berjaya diadili dengan penulisan yang bagus. Mudah-mudahan, buku ini mendapat keadilannya juga dalam bentuk filem nanti.

Akhir kata, hasil tangan yang bagus, wahai penulis. Tahniah lagi!

p.s Bahan dan cara penceritaan yang *rare* serta segar seperti Pecah sekali-sekala perlu agar dunia penulisan novel masa kini tidak terperangkap klise selalu. \^(^)^Y

Encik Psychopath says

Debaran dari mula sampai ke penghujung. Lompatan *flashback* yang kemas dan *ending* yang tidak klise langsung. Plot rompak dan *revenge* yang penuh *trick* dan kebetulan yang tak terjangkakan. Gaya bahasa yang *cool* dengan penghadaman yang laju.

Seperti menjamah hidangan makan tengahari yang sempurna ; nasi putih, ikan keli bakar, sambal belacan, kangkung goreng, telur dadar, petai dan kicap. Burpp!

Syaihan Syafiq says

Aku cadangkan jika kalian mahu membaca Pecah, novel sulung daripada Khairulnizam Bakeri, sila sediakan sebotol air kosong dan membacanya di tempat yang selesa. Ini adalah kerana aku berani jamin kalian akan berasa amat sukar untuk berhenti membaca. Aku habiskan novel itu ketika berada di dalam bas, dalam perjalanan dari Kajang ke Butterworth, hanya berhenti membaca untuk dua kali iaitu ketika bas berhenti untuk toilet break dan makan tengah hari.

Satu perkataan untuk merumuskan penceritaan plot Pecah adalah ‘pantas’. Plotnya pantas, naratifnya pantas. Heck, dialognya juga pendek-pendek dan pantas. Fiksyen thriller jenayah dalam Bahasa Melayu ini mempunyai 50 bab dan satu epilog, dengan perjalanan plot yang tidak linear. Ada imbas balik, imbas muka, monolog dan sesi belajar bahasa Kantonis. Aku gemar bagaimana Khairulnizam Bakeri terangkan sesuatu kejadian, membuat aku terasa betul-betul berada di tempat duduk belakang, berpaut pada perehat kepala dan mengintipdengar perbualan antara karekter-karekter di dalam novel ini. Bahasanya segar, walaupun berbaur dengan slanga dan dialek, namun Pecah merupakan introduksi yang baik kepada apa itu pulp. Ada kalanya aku seperti dapat mengesan stail penceritaan gaya novelis thriller Barat dalam penulisan Khairulnizam Bakeri.

Bab pertama membuat aku mengah membaca, literally. Penuh aksi dan suspens, berjaya membikin aku seakan dapat mendengar derai kaca pintu pecah, bunyi desing peluru sesat terlepas dan pekik-tempik suara-suara panik suatu rompak bank – serasa macam satu babak dalam filem aksi lakonan Jason Statham. Menyusuri bab demi bab dalam Pecah bikin aku senyum dan tersebut “Oh...”sendirian tatkala plotnya terungklai satu demi satu. Pecah disusun secara bertingkat, kau mahu beberapa langkah, kau harus patah balik beberapa langkah hanya untuk memahami langkah ke hadapan yang kau sudah ambil tadi. Kali terakhir aku berasa amat teruja untuk tahu apa yang berlaku seterusnya dalam sesebuah pembacaan adalah ketika aku baca The Da Vinci Code karya Dan Brown.

Pecah akan terasa dekat dengan pembaca kerana ia menampilkan individu-individu yang normal, lelaki dan perempuan yang kalian akan jumpa dalam kehidupan seharian. Jururawat, warga emas, abang jaga, mamat Nepal pekerja buruh dan juga duda beranak satu. Kalau kalian mengekspaktasikan elemen-elemen klise seperti akan ada watak gadis kampung yang baru sampai ke Kuala Lumpur atau lelaki uber-kacak yang kaya tetapi jatuh hati pada sifat dan perwatakan si gadis desa itu kalian akan bakal dikecewakan kerana Pecah lari

jauh daripada klise-klise novel tempatan yang ada.

Dendam, pembalasan, karma dan sesi memburu harta karun yang menerujakan berbaur menjadi Pecah. Novel sulung tulisan Khairulnizam Bakeri ini merupakan introduksi yang ampuh memperkenalkan si penulis kepada arena penerbitan lokal. Tidaklah keterlaluan kalau aku mengharapakan agar Pecah lekas-lekas difilemkan. Syabas diucapkan kepada beliau dan pihak penerbitan Fixi atas kelahiran novel ini.

nota kaki: Ulasan ini ditulis pada 4/5/11 dan aku sendiri mengharapakan yang novel ini lekas difilemkan. Ternyata, tidak lama lagi filem Pecah akan menyusul.

Khairul Hezry says

Hari ini dalam sejarah! Inilah fiksyen Melayu yang pertama sekali saya berjaya baca hingga ke halaman terakhir! Kepada sesiapa yg mengenali saya (adalah 5 orang) saya memang tidak membaca fiksyen Melayu. Panjang ceritanya. Senang cakap, kalau fiksyen memang 100% 'English-only'.

Pecah memecahkan rekod peribadi itu. Cerita thriller yg men'thrill'kan. Mula-mula baca macam wayang Quentin Tarantino; ada geng perompak, ada bank kena samun, ada tembak-tembak sikit, ada polis buntu nak cari bukti. Ada pula cerita orang tua rebah di rumah buangan warga emas. Rupa-rupanya semua ni berkait-kait. Dan bank disamun bukan semata-mata kerana duit tetapi kerana dendam. Siap ada flashback, ada cakap Kantonis (versi rumi siap dgn terjemahan) dan akhirnya dendam tercapai, rahsia pecah.

Syabas kepada Khairulnizam dan Amir Muhammad selaku penerbit kerana berjaya menarik minat saya yg malas nak baca novel Melayu supaya membaca novel Melayu. Bukan senang ooo.

nurazirahvu says

FUH! pening jap. sebelum ni sya baca novel. dah nmanya novel, mmg pasal cintalah kn. tapi sya bca novel pasal perkahwinan. bkn akhir2 baru nk kahwin. tu novel yg sya x kn baca ex some novels dri penulis kegemaran.. tu pun sbb byk ilmu agama. klu hanya cinta semata-mata, hell no n goodbye. novel plot dia tersusun. ending mmg happy. setakt ni x pernah lgi sad ending [novel yg sya dah baca]

first time baca buku fixi. plot tunggang langgang. confuse kejap. sya bca yg edition hardcover punya. alhamdulillah. mcm ni rupanya buku fixi ye. tpi sya suka,, lain dri novel cinta sume tu. pening kepala klu byk konflik. okay lol, merepek jak lebih, now start review bout this book.

mula2 sya confuse. eh, herman dah kahwin ? asal bercinta dgn lidya ? herman curang ? herman dah ada ank ? like arrhhhhh!! apa ni. plot tk tersusun. then it's like boom. mmg PECAH satu persatu.

bgi sya, cite ni ringkas je. pasal c herman rompak bnk, niat sebenar nk ambil peti dlm bnk tu je. peti tu ada something. lidya yg suruh ambil, ade yg suruh lidya ambil. dlm peti tu ada peta to find something. tapi sbb nk bls dendam kt sorang ni, herman dgn 3 org kwn lgi pi rompak bank. thats all. yg lain tu blh kira perkara masa2 lalu.

oleh kerana first time baca, sya mmg x tau nk bgi brapa bintang. klu novel, penting bgi sya selitkn teguran agama. heroin mesti tutup aurat, tk kisah bila ending baru tutup aurat asalkn tutup aurat. tapi buku ni blh kira .. erh .. watak mmg x jaga batas pergaulan langsung.

nur says

Dah lama dah cari novel ni,tapi xjumpa,akhirnya berjaya jgk baca online lps pinjam dari perpustakaan negara.

Sekali baca novel ni mmg tak boleh nak stop,puas hati lepas tamatkan novel ni.

Dulu selalu kagum bila baca novel RAM,tapi sebenarnya,ramai penulis fixi boleh tulis jalan cerita yang lebih best dari novel RAM

Topek Ketopekan says

Rasanya buku penuh dengan kombinasi. Ada adegan suspen, cinta, berahi, kasih sayang, logik, dendam, dan banyak lagi. Namun, dalam pada itu penulis berjaya menyelitkan unsur-unsur lucu dan jenaka. Gaya *flashback* yang menarik, suspen dan senang difahami membuatkan buku ini sukar dilepaskan dari tangan, seperti ala-ala karya James Patterson. Mantap!

Jika karya ini dijadikan drama berepisod, pasti kalah cerita-cerita ala Fixi (yang satu tajuk) seperti GEMILANG dan JUVANA. Itu kalau didramakan. Kalau difilemkan, pasti boleh duduk sama taraf setanding filem-filem ala Fixi (juga yang satu tajuk) seperti SEMBILU dan KHURAFAT. Percayalah!

p/s: Buku ini berjaya 'memotong barisan' buku-buku yang sedang dibaca dan perlu dibaca. Tabik.

Hajar says

Ironi kan, bila seorang pengamal undang-undang cuba mencabar undang-undang? Inilah yang penulis cuba ketengahkan dalam Pecah. Seperti Kasino, Pecah juga berlatarbelakangkan jalan cerita yang ringkas.

Kisahnya, 4 orang rakan merompak CIMB Bank, Shah Alam. Herman, Alan, Radi dan Don sempat melarikan wang rompakan dan juga satu *safe deposit box* kepunyaan Bakar. Malangnya, kaki Alan ditembak oleh Kazim, pengurus bank. Kalau dalam situasi biasa mesti dah *kantoi* tapi malangnya tidak. *Mastermind* mereka, Herman ni bijak. Ditinggalkan Alan di hospital untuk dapatkan rawatan manakala mereka menyembunyikan wang hasil rompakan sekaligus menghilangkan jejak jenayah mereka.

Motif rompakan ni pun cuma sebab dendam. Herman berdendam dengan Kazim, disebabkan Kazim pernah songlap duit dan menghancurkan usahasama mereka. Kemudian, tak cukup dengan itu, Anida, isteri Herman pun dikebasnya. Haish.

Bakar pula merupakan salah seorang penghuni Rumah Seri Murni. Kesian, sebab anak-anak tak mahu jaga, bapa mereka dihumban ke rumah orang tua. Mujur ada yang sudi nak menjaga si warga emas tu. Kesilapan masa lampaunya pada anak-anak menyebabkan mereka berdendam pada si bapa. Tapi rupanya bukan anak-anak sendiri je berdendam, Lidya, jururawat yang bertanggungjawab menjaga Bakar juga dalam diam

menyimpan dendam pada Bakar. Dendam yang turut menyumbang kepada rancangan rompakan Herman dan rakan-rakan. Apalah yang buat Lidya simpan dendam pada Bakar tu agaknya?

Menariknya kisahnya berkait rapat antara satu sama lain yang akhirnya membawa kita kembali ke satu titik penyebab. Hehe. Nak tahu lebih lanjut kenalah baca kan? ;)

Komen saya: Rasanya ini adalah antara buku yang boleh saya katakan agak 'bijak' untuk dihidangkan kepada pembaca. Tanpa nota penulis di bahagian hadapan tu pun kita boleh agak yang penulis bukan menulis secara membuta-tuli. *He did his homework*. Tak adalah nampak cerita macam tak logik sangat, kan? Jujurnya saya sukakan plot yang tersusun dan pantas begini. Tak meleret-leret. Babak *flashback* juga membantu kita memahami perjalanan cerita dengan lebih baik. Tahniah buat penulis. Rasa rugi pula tak baca awal-awal dulu. Hmm. Tak sabar nak tunggu Pecah versi visual. Harap filemnya juga sebijak bukunya. :) Err, untuk babak-babak yang tak sesuai untuk budak-budak tu, saya skip laju-laju sebab saya lebih teruja nak tahu apa perancangan *mastermind* mereka ni. :)

4.5* untuk Pecah

okedkama akmma says

Phew DBP pun tutup kedai kalau deorang baca. Memang kena banyak berpandukan contextual clues. Saya cuma syak Nizam ni pernah menelan sebiji kamus.

Hilmi Isa says

Pecah merupakan sebuah novel terbitan FIXI yang ditulis oleh Khairulnizam Bakeri. Pecah mengisahkan sekumpulan manusia yang bekerjasama dan berpakat untuk melakukan rompakan di Bank CIMB Shah Alam. Pakatan ini melibatkan Herman, Lidya, Alan, Don dan Radi. Masing-masing mempunyai motif yang tersendiri untuk melakukan rompakan tersebut. Bukan sahaja wang tunai yang menjadi sasaran, tetapi, juga sebuah peti kecil yang disimpan di dalam bank tersebut.

Bermula dengan Alan yang cedera ditembak oleh pengurus bank yang bernama Kazim dan dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, rakan-rakannya yang lain menyembunyikan wang hasil rompakan di sekitar kawasan hospital tersebut. Usaha mereka untuk menyembunyikan dan membawa keluar wang rompakan serta membawa keluar Alan menemui jalan sukar kerana mereka menjadi sasaran siasatan oleh Inspektor Paul yang bertanggungjawab menyasat kejadian rompakan bank CIMB.

Pada masa yang sama, Bakar dari Rumah Seri Memori jatuh koma dan dihantar ke hospital yang sama untuk menjalani rawatan. Tanpa diduga, takdir telah menetapkan bahawa Herman, Lidya, Alan, Don, Radi, Kazim dan Bakar mempunyai perkaitan antara mereka dari segi sejarah dan latar belakang kehidupan masing-masing. Dapatkan jawapannya dengan mendapatkan novel yang hebat ini di pasaran dengan segera!

Pecah! Sesuai dengan tajuk novelnya, persoalan-persoalan yang berkaitan dengan jalan cerita novel ini terbongkar satu demi satu apabila kita semakin mencapai ke halaman muka surat terakhir. Pada saya, Pecah merupakan antara novel terbaik terbitan FIXI kerana tema atau jalan ceritanya yang lain dari yang lain jika kita bandingkan dengan novel-novel yang lain. Pada pendapat saya, Pecah merupakan sebuah novel bergenrekan 'crime-thriller' berbahasa Melayu terbaik pernah dihasilkan setakat ini.

Corak penceritaan (naratif) novel ini juga agak berlainan dan tidak tipikal. Penceritaan bukan secara terus (direct to the point), tapi menggunakan konsep 'imbas kembali' atau 'flash back' di dalam beberapa bab. Sebaik-baiknya, jangan lakukan 'skip' atau melakukan pintasan beberapa muka surat ketika sesi pembacaan. Bacalah dari muka surat pertama sehingga akhir untuk memastikan kita sebagai pembaca memahami jalan

ceritanya. Tambahan pula, lenggok penulisan penulis yang kreatif juga perlu dihayati dengan 100 peratus kerana penggunaan bahasa Melayunya yang agak kompleks, terutamanya di bahagian naratif. Terdapat beberapa perkataan yang agak asing dan jarang digunakan. Sediakan Kamus Dewan di sisi ketika membaca novel ini! Selain itu, gaya penceritaan dan deskriptifnya juga agak berbeza. Kadang-kadang, saya merasakan penulis sedang berpuitis dengan pembaca! Perkara ini dapat dilihat melalui susunan bahasanya yang baik dan berpuitis.

Terdapat juga unsur-unsur 18SX di dalam novel ini. Namun, unsur tersebut bukanlah unsur utama penceritaan novel Pecah. Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan mutu penghasilan Pecah. Bukan hanya menghiburkan, tetapi terdapat juga beberapa mesej yang cuba disampaikan melaluinya. Bahaya arak, kecurangan, kasih sayang dan lain-lain perkara berkaitan menjadi mesejnya. Saya mengesyorkan novel ini kepada mereka yang sukakan novel berkonsepkan 'crime-thriller' di dalam bahasa Melayu.

Gobokairina says

Selepas Kelabu, aku merasakan Pecah adalah keluaran terbaik Buku Fixi. Ia bukannya novel klise tetapi ia menghimpun seribu satu rasa. Sarat dengan aksi dan drama. Membuatkan aku tak henti-henti untuk menyelak halamannya satu per satu *wink*

Kalau ikutkan, sinopsis cerita ini mudah saja. Kisah 4 orang rakan yang merompak Bank CIMB Shah Alam. Herman, Alan, Radi dan Don sempat melarikan diri dengan wang yang dirompak. Malangnya Alan ditembak pengurus bank, Kazim. Sedikit mencatitkan rancangan rompakan mereka tetapi Herman yang bijak ada banyak helah. Alan dihantar ke hospital. Mereka bertiga pula hilang menyembunyikan diri. Plan B sudah diatur. Bravo!

Motif rompakan itu berpunca daripada dendam. Herman berdendam dengan Kazim yang bukan saja menghancurkan bisnes mereka tetapi juga dengan membawa Anida pergi. Lidya yang bersetuju membantu Herman juga berbuat sedemikian kerana dendam lamanya pada Bakar. Apa kaitannya kisah rompakan dengan dendam peribadi mereka? Baca... mulakan membaca Pecah. Di situ rahsianya akan terbongkar.

Kepada mereka yang tak biasa dengan genre sebegini, aku rasa tiada masalah juga untuk menghadam novel ini kerana naratif Pecah yang bergerak pantas. Plotnya disusun kemas. Tiada kisah yang meleret-leret yang bikin kamu bosan. Penggunaan teknik imbas kembali juga amat berkesan. Ianya membantu para pembaca lebih arif dengan apa yang terjadi. Aku suka ending. Sayu dalam debar. Tak percaya dan tak disangka 'rahsia' Lidya juga rupa-rupanya sudah 'pecah'.

Aku sarankan anda mencari novel ini. Membaca sesuatu yang berlainan. Walaupun mungkin ada yang berkata buku-buku Fixi ini tak 'sesuai' dibaca kerana merosakkan minda. Kelakar. Orang kita memang suka dan terlalu cepat menghukum. Membaca Pecah tidak 'sekotor' yang aku fikirkan. Adegan cinta berahinya hanya suku daripada apa yang dipersembahkan dalam novel cinta berbahasa Inggeris.

Oh ya! Pecah akan difilemkan. Apakah ianya akan 'pecah' panggung? Nantikan!

Mobyskine says

Ending terlalu singkat. Aku harap lebih. Anyhoo, pasrah saja. Jalan cerita memang menarik dan aku suka watak Alan.

Aku gelak part Nasi Lemak Janda Lokman jadi Nasi Lemak J.Lo. Haha!

Mai says

Apa yang yang dapat diperkatakan Naskah ini memang lain. Mula-mula ingatkan ia hanyalah kisah rompakan bank sahaja,tapi ada isu lebih besar lagi,kisah disebalik rompakan,motif rompakan dan perancang utama disebalik semua ini,Penulis berjaya mengacau bilaukan emosi Ku.
